

31 JUL 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KE SWITZERLAND

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Switzerland, Flavio Cotti kerana sambutan hari kebangsaan negara itu esok.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, Tuanku Ja'afar juga mendoakan kesihatan yang baik bagi Cotti dan rakyat Switzerland.

Sementara itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada Cotti menyatakan keyakinannya yang rakyat Switzerland akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran di tahun-tahun akan datang.

"Saya berharap hubungan mesra antara kedua-dua negara boleh dipertingkatkan lagi khasnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi demi saling manfaat rakyat kedua-dua negara," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula, dalam perutusan kepada Cotti yang juga Menteri Luar Switzerland menyatakan keyakinannya yang hubungan mesra antara Malaysia dan Switzerland akan terus berkembang.

-- BERNAMA

RAZ PR